

MENTERI Tak Berpotfolio di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamad Nasir, mensifatkan cadangan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memeriksa semula perbelanjaan negara untuk disalurkan ke jalan lebih diperlukan, sebagai langkah yang tidak diduga.

Namun, ia adalah perubahan positif," tegasnya.

Datuk Haji Mohamad Nasir berkata, walaupun berlaku sedikit perubahan yang menyentuh hak keistimewaan pegawai tertinggi kerajaan, "Tetapi, itu tidak menjadi soal."

Dalam usaha kerajaan baru Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir, melicinkan jentera pentadbiran lebih berkesan dan bersih, di peringkat permulaan, kereta yang diperuntukkan kepada Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Politik dan Parlimen ditukar ke jenis yang murah sedikit.

Sebelum itu, Menteri dan Timbalannya berhak ke atas kereta Mercedes 380 berharga lebih \$100,000, tetapi kini dianggap berlebihan. Dalam perubahan tersebut, mereka diganti dengan Mercedes 280 SE model automatik berharga kira-kira \$60,000 atau yang bukan automatik berharga \$53,000.

Manakala Setiausaha Politik dan Parlimen sebelumnya berhak ke atas Mercedes 200 di dalam skim gaji baru tahun lalu, tetapi kini ditukarkan ke Volvo.

Kereta Volvo 264 berharga \$41,000 setelah ditolak cukai kerajaan dan penjualan. Manakala Volvo 244 murah sedikit, iaitu kira-kira \$30,000.

Menurut Datuk Haji Mohamad Nasir, Kabinet menerima langkah Perdana Menteri dengan baik.

"Ia tidak sedikitpun menjejaskan dedikasi Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Politik dan Parlimen untuk terus tekun berbakti kepada rakyat dan negara."

"Lagipun," terang beliau, "tidak ada perbezaan besar di antara Mercedes 380 dengan 280 SE. Saya lebih suka kereta kecil, kerana senang menjelajah ke kampung melawat rakyat."

Jelas beliau, kerajaan baru cuba menjimatkan wang negara dengan hanya berbelanja untuk yang benar-benar diperlukan.



■ Datuk Seri Dr. Mahathir

Oleh:
AZLAN AHMAD

"Sebelum ini, banyak telah dihabiskan untuk perkara yang tidak begitu penting. Kini, kerajaan berusaha menyalurkan wang ke perkara-perkara yang lebih berfaedah."

Menyentuh hasrat pemimpin baru hendak bergaul lebih rapat dengan rakyat seluruh negara bagi mendapatkan maklumat terus menerus tentang perkembangan dan masalah rakyat, Datuk Haji Mohamad Nasir berkata, langkah tersebut akan lebih merangsangkan rakyat.

"Rakyat tentu mengalu-alukan usaha pemimpin yang cuba untuk menyelesaikan masalah mereka, terutama ekonomi. Tambahan pula, pemimpin baru ini tidak akan menghadapi sebarang masalah kerana mereka lebih muda, bertenaga dan kuat bekerja."

"Apatah lagi diwujudkan satu kementerian baru, Kementerian Pembangunan Luar Bandar," katanya, "ini akan jelas menggambarkan kepada rakyat bahawa kerajaan benar-benar berhasrat untuk melihat pencapaian pembangunan fizikal dan rohani yang benar-benar tinggi."